

MENEROKA IMPAK NEGATIF DALAM FENOMENA REVOLUSI INDUSTRI MUZIK MELAYU TEMPATAN DI LAMAN MEDIA SOSIAL : KAEDAH GROUNDED THEORY

Mohd Izwan Izhar bin Haris^{1*}
Muhammad Rezal bin Hamzah²
Hanif Suhairi bin Abu Bakar³

^{1,2,3}Faculty of Business and Communications, University of Malaysia Perlis, Malaysia

ABSTRAK

Mutakhir ini, pengaruh dari laman rangkaian media sosial dilihat memainkan peranan yang penting dalam industri muzik Melayu tempatan. Sungguhpun mampu memberikan impak positif, media sosial ini juga turut dilihat memberikan impak negatif kepada pengeluaran kandungan muzik dari segmen pengedaran dan kepenggunaan. Objektif utama kajian ini adalah membina model paradigma bagi fenomena laman rangkaian media sosial untuk artis muzik Melayu tempatan, berdasarkan pengalaman komprehensif mereka yang terlibat dan terpilih dalam industri muzik Malaysia dan penglibatan di laman rangkaian media sosial. Melalui pendekatan Grounded Theory, penelitian ini mengumpulkan data dari kaedah temubual mendalam dengan pelaku industri muzik, termasuk artis, penerbit, dan komposer, penulis lirik, pensyarah muzik, pensyarah media, juruhebah, wartawan, penggiat seni serta analisis kandungan dari platform media sosial yang relevan. Hasil kajian mengungkapkan bahawa media sosial bukan sahaja menciptakan peluang baru terutamanya bagi artis dan industri muzik Melayu tempatan, namun juga menimbulkan kesan negatif yang boleh dianggap sebagai bertentangan dalam hal pemeliharaan nilai budaya dan keaslian artistik dalam muzik Melayu tempatan. Impak negatif yang muncul dari analisis termasuk (1) Negatif Karya Rosak; (2) Aspek Mengejar Populariti; (3) Kerosakkan Industri; (4) Kelemahan Sikap Pengguna; (5) dan Kesan Kepada Penyanyi Berbakat. Kajian ini turut sama menawarkan wawasan strategi mengatasi bagi kelangsungan industri muzik Melayu dalam era digital terutamanya di laman media sosial. Adalah diharapkan kajian ini bakal memberi sumbangan penting kepada pemahaman pengguna terutama mereka yang menceburkan diri dalam arena industri muzik Melayu tempat tentang revolusi industri muzik Melayu dalam era digital, kerumitan dan dinamik dalam penyesuaian budaya, ekonomi dan teknologi.

Kata kunci: Media sosial, Industri Muzik Melayu, Grounded Theory, Produksi Muzik, Pemasaran Digital, Impak Negatif.

ABSTRACT

Recently, the influence of social media networking sites is seen to play an important role in the local Malay music industry. Despite being able to have a positive impact, this social media is also seen to have a negative impact on the production of music content from the distribution and consumption segment. The main objective of this study is to build a paradigm model for the phenomenon of social media networking sites for local Malay music artists, based on the comprehensive experience of those involved and selected in the Malaysian music industry and involvement in social media networking sites. Through a Grounded Theory approach, this research gathers data from in-depth interviews with music industry actors, including artists, producers, and composers, lyricists, music lecturers, media lecturers, announcers, journalists, art activists as well as content analysis from relevant social media platforms. . The results of the study reveal that social media not only creates new opportunities especially for artists and the local Malay music industry, but also creates negative effects that can be considered as the opposite in terms of preserving cultural values and artistic authenticity in local Malay music. The negative impacts that emerged from the analysis include (1) Negative Damaged Works; (2) Aspects of Pursuing Popularity; (3) Industrial Damage; (4) Consumer Attitude Weaknesses; (5) and Effects on Talented Singers. This study also offers insight into coping strategies for the survival of the Malay music industry in the digital era, especially on social media sites. It is hoped that this study will make an important contribution to the understanding of users, especially those who venture into

the Malay music industry arena, about the revolution of the Malay music industry in the digital era, the complexity and dynamics in the adaptation of culture, economy and technology.

Keywords: Social media, Malay Music Industry, Grounded Theory, Music Production, Digital Marketing, Negative Impact.

1. PENDAHULUAN

Dalam era digital yang semakin berkembang, laman media sosial telah mengalami transformasi dan menjadi platform penting yang mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan sosial termasuk industri muzik (Sanders et al. , 2022) . Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mengkaji secara mendalam pengaruh laman media sosial terhadap industri muzik Melayu tempatan di Malaysia, memfokuskan kepada dinamik sosial, ekonomi, dan budaya yang terlibat. Dengan menggunakan kaedah Grounded Theory, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan membangunkan teori berdasarkan data yang dikumpul daripada pelbagai sumber, termasuk temu bual, pemerhatian, dan analisis kandungan laman media sosial.

Manakala dari perspektif sosial pula, media sosial dilihat mampu mengukuhkan hubungan antara artis dan peminat, mewujudkan komuniti yang lebih erat dan interaktif (Oh & Choeh, 2022). Platform ini bukan sahaja memudahkan peminat mengikuti perkembangan artis kegemaran mereka malah membolehkan peminat berinteraksi secara langsung dengan artis tersebut. Bagaimanapun, laman media sosial ini turut membawa kepada elemen negatif yang terhasil seperti pembentukan ekosistem di mana tekanan untuk sentiasa hadir dan relevan boleh menjadi beban kepada pengguna dan artis sehingga membawa kepada isu kesihatan mental dan ketidakseimbangan antara kehidupan profesional dan peribadi.

Budaya dan identiti muzik Melayu turut mengalami perubahan dengan kewujudan media sosial. Platform ini telah menjadi medium untuk eksperimen muzik dan inovasi, membolehkan pencampuran genre dan kerjasama antara budaya yang lebih luas. Namun hal ini turut menimbulkan persoalan tentang pemeliharaan identiti muzik Melayu dalam menghadapi arus globalisasi dan pengkomersilan muzik. Penyelesaian cara bagaimana industri muzik Melayu boleh mengekalkan keunikan di samping kekal relevan dan berdaya saing di arena global merupakan salah satu cabaran utama yang akan diteliti.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama bagi kajian ini adalah membina model paradigma berkenaan kajian fenomena laman rangkaian media sosial untuk artis muzik Melayu berdasarkan perihal industri Muzik Malaysia mengenai pengalaman mereka sendiri yang komprehensif dalam penglibatan di laman rangkaian media sosial. Secara spesifiknya objektif kajian adalah seperti perincian berikut :

- i. Mengkaji konteks dan keadaan yang berlaku yang mempengaruhi antededen fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial,
- ii. Meneroka fenomena utama (aspek positif dan negatif) dalam fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial,
- iii. Membincangkan kaedah strategi mengatasi (jika aspek negatif muncul) dalam fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial
- iv. Menyiasat sebab akibat yang timbul dari strategi mengatasi (*coping strategy*) dalam fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial.

Namun secara spesifiknya kajian ini akan menyentuh objektif yang kedua iaitu meneroka fenomena aspek negatif dalam fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial.

3. METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan metodologi *Grounded Theory* untuk mengkaji dinamik interaksi antara platform media sosial dan perniagaan muzik Melayu di Malaysia. Pendekatan yang dipilih adalah berdasarkan kapasitinya untuk menjana hipotesis kerja (*working hypothesis*) yang berasaskan daripada data. Pengumpulan data dijalankan menggunakan pelbagai metodologi, seperti temu bual mendalam, pemerhatian penyertaan, dan analisis dokumen dan kandungan siaran di media sosial. Penyelidik telah menjalankan analisis data secara berulang dan berperingkat dan membolehkan penyelidik membandingkan dan menyelaraskan data secara berterusan dengan kategori dan konsep yang muncul, seperti yang ditekankan oleh Strauss dan Corbin (1990). Objektif kertas kajian ini adalah untuk mendapatkan kefahaman menyeluruh tentang impak negatif yang terhasil daripada pengaruh platform media sosial terhadap pertumbuhan industri muzik Melayu tempatan di Malaysia.

Jadual 1: Empat Fasa dalam Pengumpulan Data

Fasa	Kod	Tujuan	Informan
1	Terbuka (Open)	Kategorikan kod dalam kategori untuk analisis lanjutan	12 individu dan 4 dalam kumpulan fokus
2	Berpaksi (Axial)	Kod dinyatakan secara terperinci; menghubungkan kod antara satu sama lain untuk dibuat	4 Individu dan 3 dalam kumpulan fokus
3	Selektif (Selective)	tema Mencipta model paradigma dan bincangkan tema yang berkaitan dengan model; Mencipta jalan ceritayang mengintegrasikan	3 individu dalam kumpulan fokus
4	Selektif (Selective)	model paradigma Menguji, mengesahkan dan menerangkan model paradigma hingga mencapai ketepuan; mengiktiraf konsep-konsep yang muncul dalam model paradigma; menjalankan semakan pakar (members check)	4 individu dalam kumpulan fokus

4. PERBINCANGAN

Gambarajah 1: Aspek Negatif



4.1 Keratan Model Fenomena Utama (Negatif)

Penyelidik mendapati terdapat lima (5) elemen yang tercetus daripada perkara yang menjuruskan ke arah keburukkan media sosial atau perkara negatif yang tercetus daripada fenomena revolusi industri muzik Melayu di laman rangkaian media sosial ini yang akan dihuraikan dalam sub topik seterusnya.

4.1.1 Kelemahan Sikap Pengguna

Penyelidik juga mendapati bahawa aspek negatif yang dilihat membimbangkan adalah disebabkan sendiri oleh pengguna laman media sosial. Selain tidak mempunyai pengetahuan asas tentang muzik, mereka cuba menilai lagu menggunakan tanggapan persepsi mereka sahaja (Ghosh, 2023). Contohnya mereka menilai lagu yang telah memenangi sesebuah pertandingan berprestij itu adalah tidak layak disebabkan lagu tersebut tidaklah sepopuler lagu-lagu lain. Namun di situ mereka terlupa bahawa sesebuah lagu yang baik dan berkualiti itu tidak seharusnya popular. Ini mungkin disebabkan ketidakbiasaan pengguna. Begitu juga dengan peralatan drum digital yang digunakan dalam telefon pintar tidaklah dapat menghasilkan bunyi yang sehebat drum sebenar ataupun dipanggil drum akustik yang perlu dirakam di studio muzik.

4.1.2 Kerosakkan Dalam Industri Muzik Melayu Tempatan

Penyelidik mendapati perkara laman media laman rangkaian media sosial telah menyebabkan kepupusan bahan siaran sesebuah produksi lagu konvensional seperti pita kaset, cakera padat dan piring hitam (Guo, 2023). Setelah kewujudan laman media sosial, pengguna dilihat lebih minat menggunakan laman media sosial bagi mencari, mendengar, serta melayani muzik dan video kegemaran mereka. Namun perkara ini telah sedikit sebanyak menyebabkan pendapatan industri muzik merosok disebabkan ketiadaan hasil dapatan melalui penjualan kaset, cakera padat serta piring hitam yang dikeluarkan oleh sesebuah syarikat rakaman. Dalam masa yang syarikat rakaman yang wujud di dalam negara juga terpaksa ditutup dan menyebabkan kehilangan pekerjaan dan ada juga syarikat rakaman dan penerbit album yang hingga jatuh muflis disebabkan ketiadaan penjualan album yang dicetak mereka.

4.1.3 Karya Rosak

Penyelidik mendapati terdapat juga lambakan karya rosak yang telah terhasil di laman media sosial. Contoh karya yang rosak adalah apabila seseorang pelaku ataupun pengguna laman media sosial memuat naik nyanyian lagu yang asalnya milik artis lain tanpa menitikberatkan kualiti setanding yang telah dinyanyikan oleh penyanyi asal tersebut (Nwagwu & Akintoye, 2023). Karya yang rosak ini akan mencetuskan pelbagai reaksi serta persepi oleh masyarakat terhadap keburukkan media sosial ini. Begitu juga lagu yang telah digubah dari sudut struktur lagu, rentak lagu begitu juga mood lagu yang asal. Contohnya sesebuah lagu balada telah ditukarkan kepada lagu rap ataupun hip hop mahupun berentak dangdut demi mengikuti citarasa netizen di masa kini. Perihal ini menyebabkan lambakan karya rosak di laman media rangkaian sosial.

4.1.4 Kesan Kepada Penyanyi Berbakat (Pro)


Penyelidik juga mendapati kewujudan laman media sosial ini turut memberi kesan kepada penggiat seni yang berbakat. Ini adalah disebabkan mereka saban hari perlu mempromosikan diri mereka di laman rangkaian media sosial (Evans, 2021). Bagi seseorang pengguna laman rangkaian sosial dan merupakan penggiat seni mereka bukan hanya perlu membuat kandungan seperti menyanyi di laman media sosial, malahan terpaksa untuk membuat kandungan lain seperti melakonkan watak watak tertentu dalam media sosial bagi pengguna laman media sosial terus menerus mengikuti perkembangan mereka (Williams et al., 2022). Ini adalah disebabkan setiap kandungan atau lebih dikenali dengan '*content*' itu perlulah mempunyai plot plot yang bersesuaian dengan arus semasa. Begitu juga dengan arus keadaan di mana ada ketikanya pengguna laman media sosial mencari kandungan yang berunsur jenaka, adakalanya berunsur sedih dan adakalanya berunsur serius. Perihal ini sedikit sebanyak mengganggu perjalanan seseorang penyanyi penyanyi untuk terus fokus kepada bidang nyanyian kerana perlu mencuri perhatian peminat mereka yang mengikuti mereka di laman rangkaian media sosial (Su et al., 2020).

4.1.5 Mengejar Populariti

Penyelidik juga mendapati bahawa wujudnya keadaan di mana pengguna media sosial yang dilihat lebih mementingkan aspek populariti dari kualiti (Bandari, 2021). Bagi pelaku ataupun artis baharu yang mempunyai rupa paras yang cantik, kemewahan datang dari keluarga yang mempunyai latar belakang yang hebat akan lebih mudah popular berbanding mereka yang mempunyai kelebihan dalam muzik namun tidak mempunyai elemen-elemen tadi. Dalam masa yang sama, sesebuah syarikat rakaman atau syarikat label yang ingin meraih keuntungan akan menggunakan artis baharu ini dengan menerbitkan album mereka disebabkan kuasa peminat yang diyakini ramai akan memutar lagu mereka seterusnya memberikan hasil pulangan lumayan terhadap pendapatan melalui royalti yang dihasilkan. Dalam masa yang sama pendapatan akan dapat dihasilkan melalui kaedah monetize di mana pihak penyedia platform akan memberikan pendapatan kepada mereka yang membuat kandungan dan kerap kali dimainkan.

4.2 Strategi Mengatasi (Aspek Negatif Yang Timbul)

Setelah menganalisis dapatan hasil temubual yang dijalankan, Penyelidik mendapati terdapat enam (6) elemen yang boleh dijadikan sebagai strategi dalam mengatasi permasalahan yang timbul daripada fenomena revolusi industri muzik Melayu tempatan di laman rangkaian media sosial. Antara elemen yang dapat membantu adalah:



Gambarajah 2: Model Strategi Mengatasi (Aspek Negatif Timbul)

4.2.1 Pengamalan Prinsip

Mengamalkan prinsip-prinsip kelangsungan industri muzik Melayu tempatan serta penekanan terhadap inovasi dalam pengembangan dan promosi muzik Melayu tempatan di laman rangkaian media sosial juga dapat membantu dalam mengatasi permasalahan yang wujud. Ini adalah termasuk penekanan terhadap kualiti karya, penggunaan teknologi yang canggih, dan kepekaan terhadap kehendak dan keinginan peminat dari masa ke semasa. Adalah menjadi keperluan untuk tidak berkongsi dan mempromosi lagu yang tidak berkualiti dan mencerminkan identiti budaya Melayu di laman rangkaian media sosial sendiri. Dalam masa yang sama keperluan bagi mendorong artis muzik Melayu tempatan untuk mengambil inisiatif dalam mempelajari dan menguasai penggunaan laman rangkaian media sosial juga dilihat langkah penting bagi mengatasi permasalahan yang berlaku (Scott, 2022). Mereka harus memanfaatkan platform-platform ini dengan bijak dan kreatif untuk mempromosikan diri mereka sendiri, berinteraksi dengan peminat, dan menyebarkan karya-karya mereka secara meluas.

4.2.2 Polisi

Dalam masa yang sama juga perlunya sesebuah organisasi untuk menyusun dan melaksanakan polisi dan peraturan yang sesuai untuk melindungi kepentingan artis dan industri muzik Melayu tempatan di laman rangkaian media sosial (Ruddin & Jamalullail, 2022). Ini termasuk perlindungan hak cipta, peraturan tentang penyebaran karya-karya melalui platform-platform digital, dan pemantauan aktiviti yang berkaitan dengan muzik Melayu tempatan di laman rangkaian media sosial. Karya baharu dan berkualiti perlu diberi peluang untuk diketengahkan di platform media sosial (Bender et al., 2021). Dengan mengambil kira elemen-elemen ini sebagai strategi, dapat membantu dalam mengatasi permasalahan yang timbul daripada fenomena revolusi industri muzik Melayu tempatan di laman rangkaian media sosial.

4.2.3 Kendiri

Seseorang individu yang menjurus kepada artis dan penggiat muzik boleh mengambil inisiatif untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan dalam penggunaan media sosial secara efektif (Bauer & Schedl, 2019). Ini termasuk pengetahuan tentang pemasaran digital, pengurusan kandungan yang berkualiti, dan analisis data untuk memahami tingkah laku penonton. Dengan mengembangkan kreativiti dan inovasi, individu boleh menghasilkan kandungan yang menarik dan berkualiti tinggi. Kandungan yang unik dan relevan akan meningkatkan penglibatan penonton dan membina jenama peribadi yang kukuh di media sosial.

4.2.4 Peranan Pendidikan

Kaedah pendidikan juga dilihat boleh memainkan peranan penting dalam mengatasi permasalahan yang wujud. Pihak berkepentingan yang terlibat harus memperkasakan dan memperkenalkan program pendidikan yang menggalakkan artis dan pelaku industri muzik Melayu tempatan untuk memanfaatkan laman rangkaian media sosial serta teknologi dalam membuat kandungan muzik dengan cara yang lebih berkesan bagi mendekatkan diri bersama komuniti (Gaunt et al. 2021). Ini termasuk latihan dalam pengurusan media sosial, strategi pemasaran digital, dan pemahaman tentang platform laman rangkaian media sosial yang dapat membantu industri muzik ke arah yang lebih baik (Weng & Chen, 2020). Perkara ini juga dilihat dapat menjadi pemangkin yang baik untuk semua pelaku industri yang terlibat bergerak seiringan. Menggalakkan kerjasama dan jalinan antara artis, pengurus, dan pakar industri untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan strategi terbaik dalam menghadapi perubahan dalam industri muzik Melayu tempatan. Saranan dari individu berpengalaman dan profesional dalam industri ini dapat memberikan panduan berharga untuk mengatasi cabaran yang timbul.

4.2.5 Saranan Penyiaran Kerajaan

Pihak kerajaan seharusnya memainkan peranan penting dalam membangunkan industri muzik dalam sesebuah negara (Ardyanto & Rachman, 2022) . Contohnya dengan membangunkan langkah serta inisiatif dan dasar bagi mempromosikan serta melindungi industri muzik Melayu tempatan di platform media sosial. Selain itu juga pihak kerajaan juga boleh memberikan sokongan dalam bentuk insentif kewangan, penyediaan infrastruktur, dan pengukuhan undang-undang berkaitan hak cipta dan hak kekayaan intelektual bagi penggiat seni yang terlibat.

4.2.6 Saranan Penyiar Swasta

Begitu juga dengan pihak swasta dan bukan kerajaan yang dilihat turut dapat membangunkan kerjasama dan jalinan dengan pemain industri muzik tempatan (Tajvidi & Karami, 2021). Entiti berkaitan yang terlibat dalam industri muzik seperti syarikat rakaman, stesen radio dan televisyen swasta, dan perusahaan teknologi untuk meningkatkan penyebaran dan pengiktirafan muzik Melayu tempatan di laman rangkaian media sosial. Ini boleh melibatkan peningkatan promosi, pengembangan industri muzik di peringkat antarabangsa serta peluang kerjasama yang lebih jitu dengan artis tempatan.

5. KESIMPULAN

Sungguhpun naratif yang mencerminkan bahawa laman rangkaian media sosial memainkan peranan penting yang positif dalam memodenkan serta memperluas jangkauan industri muzik, ia juga mempunyai kesan negatif yang signifikan dan boleh merosakkan dasar-dasar industri muzik dalam sesebuah negara (Lei et al. 2021). Sehubungan dengan itu, ianya memerlukan pendekatan yang lebih strategik dan berwaspada bagi seseorang pengguna mahupun artis dalam menggunakan media sosial dalam konteks industri muzik tempatan bagi memastikan pembangunan yang seimbang antara inovasi dan pelestarian kualiti muzik Melayu tempatan. Dalam masa yang sama juga, penyelidik amat mengharapkan segala dapatan yang telah hasil dari kajian *Grounded Theory* ini dapat membantu dalam menggubal dan menerapkan tindakan yang dapat secara proaktif mengurangkan kesan buruk yang ditimbulkan oleh fenomena laman rangkaian media sosial dalam industri muzik Melayu. Pendekatan yang telah digariskan dalam diagram seperti di atas boleh dijadikan asas bagi penulisan akademik yang lebih mendalam oleh penyelidik seterusnya mengenai langkah-langkah mitigasi dalam konteks media sosial dan industri muzik Melayu tempatan.

RUJUKAN

- Ardyanto, D., & Rachman, A. (2022). Virtual Keroncong Music Performances As An Effort To Maintain Their Existence During The Covid-19 Pandemic. *Jurnal Seni Musik*, 11(1), 78- 85.
- Bandari, R., Asur, S., & Huberman, B. A. (2021). The pulse of news in social media: forecasting popularity. *Proceedings of the International AAAI Conference on Web and Social Media*, 6(1), 26-33. <https://doi.org/10.1609/icwsm.v6i1.14261>
- Bauer, C., & Schedl, M. (2019). Global and country-specific mainstreamness measures: Definitions, analysis, and usage for improving personalized music recommendation systems. *PloS one*, 14(6), e0217389.
- Bender, M., Gal-Or, E., & Geylani, T. (2021). Attracting artists to music streaming platforms. *European journal of operational research*, 290(3), 1083-1097.
- Evans, J. M. (2021). The anatomy of digital clout (chasing): black aesthetics, online visibility and relational labor among DIY Hip-Hop musicians on Chicago's south side. *Aoir Selected Papers of Internet Research*.
- Gaunt, H., Duffy, C., Coric, A., González Delgado, I. R., Messas, L., Pryimenko, O., & Sveidahl, H. (2021). Musicians as “makers in society”: A conceptual foundation for contemporary professional higher music education. *Frontiers in Psychology*, 12, 713648.
- Ghosh, S. (2023). A comprehensive examination of Instagram's influence on the young generation's musical taste. *International Journal of Social Media Studies*
- Guo, X. (2023). The Evolution of the Music Industry in the Digital Age: From Records to Streaming. *Journal of Sociology and Ethnology*, 5(10), 7-12.
- Lei, S. Y., Chiu, D. K., Lung, M. M. W., & Chan, C. T. (2021). Exploring the aids of social media for musical instrument education. *International Journal of Music Education*, 39(2), 187-201.
- Nwagwu, W. E., & Akintoye, A. (2023). Influence of social media on the uptake of emerging musicians and entertainment events. *Information Development*, 02666669221151162.
- Oh, Y. K., & Choeh, J. Y. (2022). Social media engagements of music videos on YouTube's official artist channels. *Convergence*, 28(3), 804-821.
- Ruddin, I. and Jamalullail, J. (2022). The development of new media in the economic growth of the indonesian music industry. *Ilomata International Journal of Management*, 3(4), 470-485. <https://doi.org/10.52728/ijjm.v3i4.580>
- Sanders, A., Phillips, B. J., & Williams, D. E. (2022). Sound sellers: musicians' strategies for marketing to industry gatekeepers. *Arts and the Market*, 12(1), 32-51.
- Scott, D. M. (2022). *The new rules of marketing and PR: How to use content marketing, podcasting, social media, AI, live video, and newsjacking to reach buyers directly*. John Wiley & Sons.
- Strauss, A., & Corbin, J. (1990). Basics of qualitative research: Grounded theory procedures and techniques. Newbury Park, CA: Sage.
- Su, Y., Baker, B. J., Doyle, J. P., & Yan, M. (2020). Fan engagement in 15 seconds: Athletes' relationship marketing during a pandemic via TikTok. *International Journal of Sport Communication*, 13(3), 436-446.
- Tajvidi, R., & Karami, A. (2021). The effect of social media on firm performance. *Computers in Human Behavior*, 115, 105174.
- Weng, S. and Chen, H. (2020). Exploring the role of deep learning technology in the sustainable development of the music production industry. *Sustainability*, 12(2), 625. <https://doi.org/10.3390/su12020625>
- Williams, T., Stofer, K. A., Hecht, K., & Lundgren, L. (2022). Using Social Media to Engage Communities with Research: Creating a Community Through Best Practices: WC400/AE739, 1/2022. *EDIS*, 2022(1).